

Persenyawaan Buatan Dan Bayi Tabung Uji

1) Ketetapan-Ketetapan Syarak Yang Berkaitan Dengan Tajuk Perbahasan

- 1.1 Kaedah kelahiran bayi secara fitrah adalah bermula dengan pertemuan dua anggota sulit antara suami dan isteri ketika proses hubungan kelamin lantas berlaku persenyawaan antara benih si suami (sperma) dan benih si isteri (ovum)
- 1.2 Setiap anak yang lahir mempunyai ikatan dan hubungan yang erat dengan kedua ibu bapanya.
 - Hubungan Anak Dengan Ayah
 - 1) adalah hubungan yang berkaitan dengan kejadian manusia melalui air mani si bapa dan hubungan pewarisan (صلة التكوين والوراثة)
 - Hubungan anak dengan si ibu adalah hubungan (صلة التكوين والوراثة) yang berasaskan ovum si ibu
 - 1) Hubungan ketika masa mengandungkan anak dan penjagaan yang sumbernya adalah berasaskan rahim si ibu.(صلة الحمل والولادة)
 - Oleh itu apabila sperma bukan milik si ayah tetapi milik kepada lelaki lain, maka di sana terputus hubungan si anak dengan si bapa yang merupakan suami kepada wanita yang melahirkan anak tersebut
 - Apabila ovum bukan milik si ibu yang mengandungkan si anak maka di sana telah terputus salah satu daripada dua hubungan antara anak dan ibu
 - Apabila sperma dan ovum adalah kepunyaan dua pasang suami isteri tetapi dua benih yang telah disenyawakan ini dikandungkan oleh wanita lain maka terputuslah hubungan (صلة الحمل والولادة) antara anak dan ibu yang menghasilkan ovum
 - **Kesimpulan:** apabila terputus salah satu hubungan tersebut maka si ayah bukan lagi ayah yang sah dan si ibu bukan lagi ibu yang sah.
- 1.3 Sesuatu hukum yang bakal diputuskan akan bergantung kepada kekuatan Mafsadah dan Manfa`ah. Oleh itu mana-mana di antara dua sudut ini lebih kuat berbanding dengan sudut yang kedua maka hukum akan mengikut pihak atau segi yang lebih kuat sama ada dalam memutuskan halalnya sesuatu perkara atau sebaliknya.

Namun apabila mafsadah dan manfa`ah berada pada tahap yang sama maka di saat itu pemutusan sesuatu hokum akan diserahkan kepada para mujtahidin yang berkelayakan untuk berjihad

التدافع بين المضار والمنافع فحيث وقع التغلب فالحكم للغالب منهما حلا وحرمة وحيث استويا صار مجال نظر الفقيه

- 1.4 Syarak telah menerangkan bahawa jasad manusia dan manfaat yang diperolehi daripada jasad tersebut adalah hak milik tuan jasad tersebut. Namun manusia tidak berhak menggunakan anggotanya melainkan dalam perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak.

Contoh: Nikmat mata dimiliki oleh pemilik mata tetapi Islam mengharamkan penggunaan mata pada perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak

- 1.5 Perkara-perkara yang termasuk dalam katagori Hajiat dan Dharuriyyat tidak boleh dihukum dengan fatwa berbentuk umum sebaliknya apabila seseorang ditimpa persoalan yang berkaitan dengan dua ruang lingkup ini, beliau mesti meminta pandangan daripada ulamak yang berhak untuk berijtihad agar masalah yang dihadapi dapat dihukum secara tepat

- 1.6 Kewajipan seseorang muslim adalah menghukum suasana yang berlaku dengan syariat Allah. Oleh itu tidak boleh bagi seseorang individu menghukum sesuatu perkara bukan berdasarkan syariat Allah Taala.

- 1.7 Memelihara keturunan dan kehormatan adalah di antara lima Maqasid Syar`ie yang dijaga dalam setiap hukum-hakam Islam.

Oleh itu Islam mengharamkan setiap tindakan yang boleh menyebabkan keraguan dalam penentuan nasab ataupun apa-apa perbuatan yang mengakibatkan percampuran nasab kesan daripada hubungan kelamin yang tidak syar`ie.

Jelasnya setiap perkara yang boleh menghancurkan kemuliaan nasab dan kehormatan diri adalah diharamkan oleh syarak

- 1.8 Menjadi kewajipan ke atas setiap para ulamak untuk menjelaskan pandangan Islam kepada komuniti muslim terhadap perkara-perkara baru yang timbul dalam masyarakat moden agar setiap muslim tidak mencampur-adukkan perkara-perkara yang halal dan haram dalam kehidupan seharian

Menjadi kewajipan ke atas setiap individu muslim agar tidak melakukan sesuatu perkara melainkan setelah mendapat penjelasan daripada para ulamak Islam

2) Bentuk-Bentuk Persenyawaan yang Ada Hubung Kait Dengan Bayi Tabung Uji Dan Persenyawaan Buatan

(الحكم على الشيء فرع عن تصوره)

2.1 Pembahagian Pertama: Dari Aspek Lokasi Persenyawaan

- Persenyawaan Dalam (التلقيح الاصطناعي الداخلي)

Kaedah ini berlaku apabila sperma diambil daripada zakar lelaki lalu dimasukkan ke dalam bahagian tertentu pada faraj wanita untuk disenyawakan bersama ovum wanita tersebut dengan kaedah saintifik. (Persenyawaan antara sperma dan ovum berlaku di dalam rahim)

- Persenyawaan Luar (التلقيح الاصطناعي الخارجي)

Kaedah ini berlaku dengan cara pengambilan sperma dan ovum lalu disenyawakan di luar faraj melalui bantuan radas makmal

2.2 Pembahagian Kedua: Dari Segi Pemilik Sperma

- (التلقيح الذاتي)

Pembahagian ini terdiri daripada tiga unsur (sperma, ovum dan dinding rahim) yang ketiga-tiganya adalah daripada suami dan isteri yang sah menurut Islam.

Bahagian ini terdiri daripada 2 bentuk:

- a) التلقيح الاصطناعي الداخلي
 - b) التلقيح الاصطناعي الخارجي
- (التلقيح الأجنبي)

Dalam bahagian ini salah satu daripada 3 unsur di atas atau kesemuanya sekali tidak berasal daripada dua orang suami isteri yang sah di sisi pandangan syarak yang kita boleh pecahkan kepada dua bahagian:

 - a) Dari segi sperma dan ovum
 - Salah satu daripada kedua-dua benih tersebut atau kedua-duanya sekali bukan milik sepasang suami isteri yang sah di sisi syarak
 - b) Dari segi dinding rahim
 - Rahim yang dijadikan tempat penempelan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian
 - rahim si isteri sendiri
 - rahim madu si isteri (isteri kedua atau keseterusnya bagi suami yang mengamalkan poligami)
 - rahim wanita yang bukan isteri kepada pemberi sperma

Ringkasan Keputusan المجمع الفقهي الاسلامي pada Daurah yang ketujuh yang berlangsung di Makkah pada 11-17 Rabiul Akhir tahun 1404 Hijriah bersamaan 14-19/1/1984

- Persenyawaan buatan boleh dikategorikan kepada dua cara:
 1. التلقيح الاصطناعي الداخلي
 2. التلقيح الاصطناعي الخارجي
- Penjelasan bagi cara-cara yang diamalkan dalam proses persenyawaan buatan:

التلقيح الاصطناعي الداخلي

1. Cara Pertama

- Sperma si suami diambil seterusnya dimasukkan ke dalam faraj si isteri melalui kaedah perubatan moden agar sperma tersebut dapat bergabung dengan ovum si isteri lalu menghasilkan persenyawaan secara tabii

- Kaedah ini digunakan apabila si suami tidak mampu untuk memancutkan sperma yang mampu untuk dengan ovum secara tabiie

2. Cara kedua

- Sperma daripada seorang lelaki asing diambil lalu dimasukkan ke dalam faraj seorang wanita yang telah bersuami dengan tujuan agar sperma tersebut mampu untuk bercantum dengan ovum si isteri tersebut.
- Cara ini digunakan apabila si suami tidak mampu untuk menghasilkan sperma yang benar-benar layak untuk menghasilkan anak apabila bercantum dengan ovum.

التلقيح الاصطناعي الخارجي

3. Cara ketiga

- Sperma dan ovum daripada sepasang suami isteri diambil lalu disenyawakan di luar rahim dengan kaedah persenyawaan beradas. Apabila kedua-dua benih tersebut telah bersenyawa, kedua-dua benih tersebut dimasukkan ke dalam rahim si isteri, pemilik ovum yang disenyawakan lalu berlakulah proses penempelan di dinding rahim dan membesar sehingga dilahirkan.

4. Cara keempat

- Berlaku persenyawaan luar secara beradas antara sperma yang diambil daripada suami tetapi ovum diambil daripada wanita lain yang bukan isteri kepada pemilik sperma tersebut lalu kedua-dua benih yang telah disenyawakan tadi dimasukkan ke dalam rahim isteri kepada pemilik sperma.
- Keadaan ini berlaku apabila si isteri tidak mampu untuk menghasilkan ovum yang benar-benar sihat yang mampu untuk disenyawakan tetapi beliau memiliki dinding rahim yang mampu untuk menerima tempelan ovum dan sperma yang telah disenyawakan

5. Cara kelima

- Berlaku persenyawaan luar di dalam tabung uji antara sperma seorang lelaki asing dengan ovum seorang wanita yang bukan isteri si pemilik sperma lalu kedua-dua benih ini ditempelkan pada dinding rahim seorang wanita lain yang telah berkahwin. Bermakna wanita yang memberi ovum dan wanita yang menjadikan rahimnya sebagai tempat tempelan benih kedua-dua mereka bukan isteri kepada lelaki yang menyumbangkan sperma.
- Keadaan ini berlaku apabila seorang anita yang telah berkahwin tidak mampu untuk menghasilkan ovum yang sihat tetapi rahimnya mampu untuk menerima tempelan

dua benih yang telah disenyawakan dalam keadaan suami kepada wanita tersebut juga tidak mampu untuk menghasilkan sperma yang sihat.

6. Cara keenam

- Kedua-dua sperma adalah milik sepasang suami isteri yang sah di sisi Islam dan telah disenyawakan dengan kaedah persenyawaan luar tetapi kedua-dua benih ini ditempelkan pada dinding rahim seorang wanita lain yang bukan isteri kedua atau seterusnya kepada lelaki yang menyumbangkan sperma.
- Keadaan ini berlaku apabila si isteri tidak mampu untuk mengandungkan janin yang bakal lahir atas sebab-sebab kesihatan namun wanita tersebut memiliki ovum yang subur.
- Ataupun keadaan ini berlaku apabila si isteri tidak mahu untuk melahirkan anak sekalipun dia memiliki dinding rahim yang baik untuk melahirkan anak.

7. Cara yang ketujuh

- Cara ini sama dengan cara keenam tetapi si wanita yang sudi untuk menjadikan dinding rahimnya sebagai tempat tempelan sperma dan ovum yang telah disenyawakan merupakan isteri kedua atau seterusnya kepada pemberi sperma yang mengamalkan poligami.
 - o Pandangan Islam dalam persoalan yang berhubungkait dengan persenyawaan buatan dan bayi tabung uji

• Hukum Islam Secara Umum

- 1) Perlakuan seorang wanita yang mendedahkan auratnya kepada insan lain yang Islam mengharamkan perhubungan jenis antara kedua-duanya, pendedahan aurat tersebut diharamkan sama sekali oleh Islam melainkan kerana tujuan-tujuan yang dibenarkan oleh Islam
- 2) Sikap seorang wanita yang mahu untuk menghilangkan penyakit yang menimpa dirinya adalah dianggap oleh syarak sebagai satu sebab yang mengharuskan si wanita tersebut untuk membuka auratnya di hadapan orang yang bukan suaminya tetapi dalam ruang lingkup

الضرورات تبيح المحظورات والضرورات تقدر بقدرها

- 3) Apabila si wanita telah dibenarkan oleh syarak untuk membuka auratnya kepada insan lain yang bukan suaminya, maka

menjadi satu kewajiban agar doktor yang mengubati si wanita tersebut adalah seorang muslimah. Seandainya tidak ada doktor wanita muslimah maka gantinya adalah seorang doktor wanita non muslimah. Seandainya tidak ada maka seorang doktor lelaki muslim yang thiqah dan sekiranya tidak ada maka yang terakhir adalah seorang doktor lelaki non muslim

- Islam mengharamkan si doktor lelaki sama ada muslim atau non muslim yang mengubati pesakit wanita yang bukan mahramnya berada dalam keadaan khalwat (bersunyi-sunyian). Oleh itu tidak boleh tidak mesti di sana ada suami si pesakit wanita atau wanita lain yang menemani si pesakit ketika sedang mendapat rawatan daripada si doktor lelaki.

- Hukum Islam Secara Khusus Yang Berhubung Kait Dengan Persenyawaan Buatan Dan Bayi Tabung Uji

- 1) Keinginan sang isteri yang tidak boleh hamil dan keinginan sang suami yang mandul yang inginkan anak dianggap oleh syarak sebagai satu sebab untuk membolehkan penggunaan cara-cara yang dibenarkan oleh syarak dalam persenyawaan buatan (التلقيح الاصطناعي)
- 2) Cara pertama dengan mengambil sperma daripada si suami lalu disenyawakan dengan ovum isterinya dalam kaedah persenyawaan dalam yang seterusnya akan menempel di dinding rahim isteri, pemilik ovum, kaedah ini adalah dibenarkan oleh syarak berdasarkan syarat-syarat umum yang telah disebutkan sebentar tadi dalam keadaan si wanita yang menggunakan cara pertama ini sangat-sangat berhajat kepada kaedah ini semata-mata untuk mendapatkan cahaya mata.
- 3) Cara ketiga dengan cara kedua-dua benih adalah milik sepasang suami isteri yang sah tetapi kedua-dua benih ini disenyawakan dengan cara pesenyawaan luar (التلقيح الاصطناعي الخارجي). Sekalipun ditempelkan pada dinding rahim si isteri, cara ini pastinya akan mempunyai kritikan kerana pastinya ada kemungkinan berlakunya kesilapan yang menyebabkan ketidakpercayaan dalam masalah penentuan nasab si bayi yang bakal lahir. Oleh itu Islam tidak membenarkan cara ketiga ini melainkan apabila berlaku keadaan dharuri yang sangat-sangat berhajat kepada penggunaan cara yang ketiga ini dengan mengikut syarat-syarat umum yang telah disebutkan.

- 4) Cara yang ketujuh dengan cara persenyawaan dua benih daripada sepasang suami isteri dengan kaedah persenyawaan luar tetapi dua benih ini ditempelkan pada rahim isteri kedua atau seterusnya (madu kepada si isteri yang memiliki ovum) yang sanggup untuk mengandungkan benih tersebut, cara ini hukumnya adalah harus berdasarkan ijtihad jamaie daripada Al-Majmak Al-Feqhi Al-Islami tetapi dengan syarat bahawa si isteri pemilik ovum sangat-sangat berhajat kepada cara ketujuh ini di samping mengikut syarat-syarat umum yang telah disebutkan.

- 5) Dalam taida keadaan yang dibenarkan oleh Islam berdasarkan ijtihad Jamaie tadi, nasab anak yang bakal lahir akan dithabitkan kepada dua orang suami isteri yang telah menyumbangkan dua benih (ovum dan sperma) yang telah disenyawakan.
 - Adapun si isteri kedua (madu kepada isteri yang disenyawakan ovumnya) yang tidak menyumbangkan ovum tetapi sanggup menyumbangkan dinding rahimnya sebagai tempat tempelan benih, hubungan wanita tersebut dengan anak yang bakal dilahirkan menurut rahimnya adalah menurut hukum penyusuan (الرضاعة) bahkan dalam kes ini wanita penyumbang rahim tersebut lebih kuat hubungannya dari segi hukum yang berkaitan dengan (الرضاعة) berbanding dengan wanita yang hanya sekadar menyusukan si anak. Ini kerana janin di dalam kandungan akan menggunakan seluruh zat daripada tubuh si penderma dinding rahim (ibu tumpang).

- 6) Adapun empat cara selain daripada tiga cara yang telah disebutkan keharusannya dari perspektif syarak, kesemuanya diharamkan oleh syarak secara jelas kerana kedua-dua benih bukan daripada dua orang suami isteri yang sah ataupun kerana wanita yang sudi untuk menjadikan rahimnya sebagai tempat tempelan bukan isteri kedua atau seterusnya kepada lelaki yang menyumbangkan sperma.
 - Walau bagaimanapun, setelah melihat kepada beberapa cara persenyawaan buatan yang dibenarkan oleh Islam di samping wujudnya kemungkinan berlakunya percampuran nasab hasil daripada kesalahan doktor dalam memastikan bahawa benih yang diambil untuk disenyawakan dalam persenyawaan beradas benar-benar daripada dua orang suami isteri yang sah, maka Majlis Al-Majmak menasihati agar seseorang muslim tidak menggunakan proses persenyawaan buatan melainkan dalam keadaan sangat-sangat dharuri dengan cara yang betul-betul teliti dan berhati-hati agar tidak berlaku sebarang percampuran nasab dan kesalahan dalam proses persenyawaan buatan.

4) Perbincangan Semula Ketetapan Yang Dikeluarkan Oleh الجماع الفقہ الاسلامی pada Daurah Yang Ketujuh

- **الجمع الفقه الاسلامى** pada daurah yang kelapan telah menarik balik pandangan yang membenarkan cara ketujuh yang menjadikan tempelan rahim adalah rahim isteri kedua atau seterusnya bagi suami, pemilik sperma.
- Setelah dibincangkan kembali dengan melihat pandangan daripada pakar-pakar perubatan, **الجمع الفقه الاسلامى** pada daurah yang kelapan telah mengambil keputusan dengan mengharamkan cara yang ketujuh ini dengan sebab di sana berlaku kemungkinan yang sangat besar yang akan mengakibatkan keraguan dalam penentuan nasab si janin.
- Antara contoh keraguan:
 - Isteri kedua yang menjadikan rahimnya sebagai tempat tempelan kepada benih suami yang disenyawakan dengan benih madunya, wanita ini berkemungkinan akan mengandungkan zuriatnya dengan si suami sebelum berlaku tempelan hasil antara benih suaminya dan madu si wanita tersebut.
 - Atau boleh berlaku di sana kelahiran anak kembar yang kita tidak dapat pastikan adakah kedua-duanya anak kepada isteri yang menderma rahim atau isteri yang memberi ovum.
 - Berkemungkinan benih antara suami dan isteri pemilik ovum yang ditempelkan pada rahim isteri yang menderma dinding rahimnya telah mati lalu berlaku persenyawaan baru antara suami dan isteri yang menderma rahimnya.
- Jelasnya, keraguan yang cukup besar ini pastinya akan menyebabkan seorang mujtahid akan mengharamkan setiap cara yang mengakibatkan keraguan ini kerana Islam amat menitikberatkan masalah nasab seseorang.
- Oleh itu cara yang dibenarkan oleh Islam dalam masalah persenyawaan buatan ini adalah cara pertama dan ketiga sahaja.

Sekian, Wallahu A'la wa A'lam.

Oleh:
 Ustaz Hairul Nizam Mat Husain
 BA (Syariah) Al-Azhar